

SINONIM

Nota Tatabahasa

- ✓ Sinonim ialah perkataan yang mempunyai erti yang sama dengan perkataan yang lain walaupun terdapat perbezaan ejaan dan sebutan.

Perkataan	Sinonim
am	umum
baik	elok
bandar	kota
cantik	indah
cerdik	pandai
dekat	hampir
enggan	ingkar
gadis	perawan
gembira	riang
harum	wangi

Perkataan	Sinonim
jemput	undang
kabur	samar
lalai	cuai
naik	panjat
palsu	tiruan
sempit	sesak
tewas	kalah
utama	penting
usang	buruk
zalim	kejam

A) Padankan perkataan sinonim berikut.

gemar

sedih

dukacita

menggeletar

rapi

senyap

pelawa

ajak

risau

haus

dahaga

bimbang

menggigil

suka

desa

bohong

dusta

kampung

diam

kemas

[10 markah]

B) Berikan sinonim bagi setiap perkataan di bawah.

1. Suasana bilik peperiksaan **sunyi** (_____) ketika pelajar sedang menjawab soalan.
2. Adik tidur dengan **lena** (_____) selepas minum susu.
3. Wani sangat **seronok** (_____) kerana dapat bercuti di kampung.
4. Rahman berasa sangat **jemu** (_____) kerana tidak dapat pergi bermain bersama kawan-kawannya.
5. Hujan Lebat selama beberapa hari di kampung itu telah mengakibatkan **banjir** (_____).
6. Perempuan kaya yang **bongkak** (_____) itu tidak disukai ramai.
7. Pelakon yang **kacak** (_____) itu akan membintangi filem terbaru arahan Yasim Ahmad.
8. Puteri yang **jelita** (_____) itu memakai baju berwarna ungu.
9. Abang **mahu** (_____) melanjutkan pembelajaran ke Universiti Teknologi Brunei selepas tamat persekolahan.
10. Fatin dapat bertutur dengan lebih **jelas** (_____) selepas menjalani terapi.

[10 markah]